KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	05/12/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	UMUM			

Masih ada pergerakan tanah

Laluan ke Cameron Highlands yang berlaku tanah runtuh kekal ditutup

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH



SAARANI



Kejadian tanah runtuh pada Khamis lalu mengorbankan dua pemandu.

TANAH RUNTUH DI SIMPANG PULAI

Pergerakan tanah masih dikesan di kawasan tanah runtuh di Laluan FT 185, KM27.1 Jalan Simpang Pulai-Blue Valley, Simpang Pulai yang mengorbankan dua nyawa pada Khamis.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perkara itu dimaklumkan oleh Unit Kejuruteraan Cerun Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung situasi kejadian tanah runtuh tersebut.

Menurutnya, sehubungan itu, jalan tersebut kekal ditutup buat masa ini untuk dilalui kenderaan selain pemantauan terus dilakukan oleh JKR.

"Tindakan seterusnya akan dilakukan oleh Unit Kejuruteraan JKR di ibu pejabat dan sudah tentu jalan yang berlaku tanah runtuh ini ditutup. Mereka yang ingin ke Cameron Highlands perlu ikut Tapah.

"Kita harap pihak JKR akan sentiasa memantau malah di jalan ke Cameron Highlands, JKR memang ada satu alat yang boleh mengesan pergerakan tanah. Jadi kita harap mereka akan sentiasa *alert* dengan kemungkinan ada berlaku pergerakan tanah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Dewan Belia Yang Ketiga, Perak Darul Ridzuan di Hotel Casuarina@ Meru di sini pada Sabtu.

Dalam perkembangan sama, Saarani menasihati pengguna jalan raya di negeri itu supaya sentiasa berwaspada ketika melalui jalan-jalan bercerun yang diketahui mempunyai risiko berlakunya tanah runtuh sama ada sepanjang laluan ke Cameron Highlands atau lokasi lain.

Pada Khamis lalu, dua lelaki terkorban apabila kenderaan yang dipandu masing-masing tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Laluan FT 185, KM27.1 Jalan Simpang Pulai-Blue Valley, Simpang Pulai.

Mereka yang terkorban adalah pemandu lori sayur, Muhammad Hafiz Hamdi, 31, dan pemandu kenderaan pelbagai guna (MPV), Toyota Alphard, Tan Chee Heng, 36.